

PCA hanya babit rentas sempadan

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menegaskan pelaksanaan skim Pengaturan Ulang Alik Berkala (PCA) hanya membabitkan pergerakan rentas sempadan melalui pintu masuk antara-bangsa (PMA) laluan darat Johor-Singapura.

Menterinya Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, di bawah skim itu selepas tinggal sekurang-kurangnya tiga bulan berturut-turut di negara tempat individu terbabit bekerja, mereka boleh pulang ke negara asal untuk cuti pendek.

“Tempoh cuti pendek adalah sekitar dua hingga empat minggu dan tertak-

luk kepada persetujuan serta ketetapan antara pekerja dan majikan.

“Kemudahan PCA bermula pada 17 Ogos lalu dan dibincang dan disepakati antara Malaysia dan Singapura atas prinsip asas timbal balik membolehkan rakyat kedua-dua negara yang memegang pas lawatan sosial jangka panjang untuk tujuan perniagaan dan bekerja melaksanakan perjalanan rentas sempadan antara dua negara,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurutnya, selepas tamat tempoh cuti pendek individu terbabit akan masuk semula ke negara tem-

pat mereka bekerja untuk tempoh sekurang-kurang tiga bulan yang seterusnya.

“Rakyat atau penduduk tetap Malaysia berhasrat untuk pulang ke Malaysia untuk cuti pendek perlu menunjukkan PCA Pass yang dikeluarkan *Immigration and Customs Authority* Singapura semasa kemasukan ke Malaysia.

“Di bawah skim ini, mereka diberikan pengecualian menjalani kuarantin wajib 14 hari di stesen kuarantin dengan syarat ujian PCR Covid-19 dijalankan dalam tempoh 24 jam selepas tiba di Malaysia adalah negatif,” katanya.